

Scientex raih untung bersih lebih tinggi

Scientex Bhd mencatatkan keuntungan bersih RM390.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2020, meningkat 16.9 peratus berbanding RM333.7 juta tahun lalu.

Pendapatan diraih pengeluar produk pembungkusan plastik fleksibel (FPP) itu sepanjang tempoh dikaji juga meningkat sebanyak 8.3 peratus kepada RM3.52 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Scientex, Lim Peng Jin, berkata produk FPP syarikat mendapat manfaat daripada menyokong sektor makanan dan minuman utama di Malaysia dan rantau ini.

“Terdapat peningkatan dalam aktiviti domestik dengan perniagaan dan isi rumah kembali kepada keadaan biasa bermula daripada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan seterusnya,” katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, beliau berkata, syarikat akan terus memperluas dan membangunkan lebih banyak lagi produk FPP dengan nilai yang ditambah serta memperoleh kecekapan yang lebih